

# Pelajar lembam cipta alat eram, tetas telur

» Inovasi guna barang terpakai dapat perhatian PPD, Jabatan Veterinär

Oleh Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi  
bhnews@bh.com.my

Parit Buntar

**M**asalah lembam dalam pembelajaran bukan penghalang bagi Muhamad Nurrahman Mansor, 14, mencipta alat pengeraman dan penetasan telur ayam, malah lebih menarik ia dihasilkan hanya

daripada barang terpakai.

Inovasi remaja berkenaan bukan hanya menjadi bualan ramai, tetapi turut mendapat perhatian Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kerian yang turut hadir dalam demonstrasi khas yang diadakan di sekolahnya, baru-baru ini.

Ciptaan Pelajar Tahun 6 Kelas Pendidikan Khas, Sekolah Kebangsaan (SK) Kuala Kurau itu juga menyebabkan Muhamad Nurrahman kini digelar tauke ayam.

Ketika ditemui semalam, remaja berkenaan berkata, kejayaannya didorong minat serta tunjuk ajar guru di sekolah, selain belajar melalui laman Youtube mengenai cara penghasilan peralatan penetasan telur ayam yang menggunakan kuasa elektrik,

lampu dan alat kawalan suhu sesuai bagi membolehkan telur menetas.

"Kali pertama dan kedua mencuba, saya gagal apabila habis semua 60 biji telur ayam kampung yang dieram tidak menjadi. Saya hampir berputus asa, namun kerana pujukan dan semangat guru serta ibu bapa, saya mengkaji di mana salah produk itu hingga akhirnya berjaya juga.

## Kajian lebih tiga bulan

"Produk ini lengkap dengan alat kawalan suhu automatik. Semua lampu yang menjadi pemanas telur dalam kotak ini akan terpadam sendiri jika suhu melebihi 38 darjah Celsius.

"Hasil kajian lebih tiga bulan, akhirnya saya berjaya mengesan suhu sesuai serta jangka masa mengeram telur sebelum mene-



Muhamad Nurrahman menunjukkan alat pengeraman telur guna bahan terpakai.

(FOTO SHAIFUL SHAHRIN AHMAD PAUZI/BH)

tas," katanya.

Ciptaannya itu mampu memuatkan 60 hingga 80 biji telur ayam pada satu-satu masa dan mendapat sambutan hingga pen-

duduk kampung mengupahnya menetas telur ayam atau membeli anak ayam yang ditetaskan menerusi kaedah berkenaan.

e-Braille memudahkan OKU cacat penglihatan baca al-Quran - BH2